



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 45/2010 (7 hingga 13 November 2010)

Bagi tempoh 7 hingga 13 November 2010, sejumlah 684 kes Demam Denggi dengan 1 kematian telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 3 kes berbanding 681 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kes mingguan pada tahun ini juga menurun sebanyak 36 kes berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sama tahun 2009 iaitu 720 kes. Enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor meningkat 19 kes, P.Pinang 12 kes, Johor 9 kes, Perlis 6 kes, Kedah 5 kes dan N.Sembilan meningkat sebanyak 1 kes (Lampiran A).

Jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 13 November 2010 ialah sebanyak 42,324 kes iaitu peningkatan kes sebanyak 19% atau 6,629 kes berbanding dengan 35,695 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 61% atau 46 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 121 kematian berbanding 75 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan pada minggu lepas iaitu melibatkan seorang lelaki berusia 47 tahun dari Taman Bukit Mewah, Kajang, Selangor yang bekerja sebagai seorang jurutera.

Pesakit yang juga menghidap Hipertensi selama 17 tahun dan menjalani rawatan dialisis kerana kegagalan buah pinggang. Beliau mula demam pada 28 Oktober 2010 dan telah mendapatkan rawatan pertama pada hari yang sama di sebuah pusat perubatan swasta. Pesakit dimasukkan ke wad hospital tersebut, tetapi dirujuk kemudiannya ke sebuah pusat perubatan swasta bagi mendapatkan khidmat rawatan pakar nefrologi. Setelah dirawat selama 2 minggu di hospital tersebut, pesakit yang mengalami komplikasi kegagalan organ akibat denggi, meninggal dunia pada 9 November 2010 dengan sebab kematian *Multisystem Organ Failure secondary to Dengue Haemorrhagic Fever in End Stage Renal Failure (ESRF)*. Pemeriksaan di kawasan kediaman pesakit pada 3 November 2010 mendapati satu premis mempunyai pembiakan Aedes daripada sejumlah 42 premis yang diperiksa. Tempat kerja pesakit yang merupakan sebuah tapak pembinaan juga telah diperiksa dan didapati terdapat satu tempat pembiakan Aedes iaitu di atas plastik dan notis arahan penutupan premis selama 7 hari bagi melakukan kerja-kerja pembersihan telah dikeluarkan kepada pemaju tapak pembinaan berkenaan. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dilaksanakan pada 9 November 2010 dengan liputan hanya 52% atau 193 daripada 367 buah rumah di kawasan tersebut. Aktiviti gotong-royong bagi menghapuskan tempat pembiakan juga tidak dilaksanakan. Oleh itu, masyarakat diseru agar melaksanakan aktiviti gotong-royong ini bagi menghapuskan tempat pembiakan Aedes yang boleh membawa kepada jangkitan Demam Denggi.

Sejumlah 151 lokaliti wabak Denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 22 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 318 kes Demam Denggi (Lampiran C). Lokaliti hotspots ini juga masih melaporkan sebanyak 121 kes baru pada minggu tersebut. Lima (5) atau 23% daripada 22 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi

(Lampiran D). Hanya 3 atau 14% daripada 22 lokaliti hotspot menjalankan aktiviti gotong-royong kerana kurangnya kerjasama masyarakat menjalankan aktiviti tersebut. Akibatnya banyak tempat pembiakan Aedes di kawasan tersebut dan ini memudahkan penularan jangkitan denggi berlaku.

Kementerian Kesihatan menggesa supaya masyarakat memberi kerjasama dengan memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes di sekitar rumah masing-masing, sekurang-kurangnya 10 minit seminggu. Pemimpin masyarakat setempat juga di minta memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggerakkan aktiviti gotong-royong di kawasan masing-masing. Tindakan segera daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan kejadian penyakit dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku. Para pengamal perubatan diminta memberi perhatian terhadap kes yang disyaki denggi dan merujuk kes segera ke hospital sekiranya diperlukan. Rawatan awal boleh mengelakkan komplikasi demam denggi dan menyelamatkan nyawa pesakit.

Bagi pendekatan melalui kempen media pula, bagi tempoh 15 hingga 21 November sebanyak 95 iklan televisyen akan ditayangkan di semua stesen televisyen. Manakala sebanyak 108 iklan akan disiarkan di radio dan 10 iklan pula akan disiarkan di akhbar. Pendekatan penyaluran maklumat bagi perubahan tingkahlaku ini dilaksanakan secara berterusan bagi mengubah tingkahlaku masyarakat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selain itu, masyarakat boleh mendapatkan maklumat berkaitan Demam Denggi melalui capaian internet di www.moh.gov.my, www.infosihat.gov.my dan www.myhealth.gov.my. Sempena cuti Hari Raya Aidiladha ini juga, orang ramai perlu memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes

di dalam dan di luar tempat tinggal mereka. Amalan ini amat penting bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes di samping dapat membentuk sikap dan tanggungjawab yang positif dalam penjagaan kebersihan.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 7 hingga 13 November 2010, terdapat 2 kes dilaporkan berbanding 4 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 793 kes, penurunan sebanyak 82% atau 3,674 kes berbanding dengan 4,467 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (Lampiran B).

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

15 November 2010

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 45/2010
(7 hingga 13 November 2010)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 45/2009
		Minggu 45 (7 – 13 Nov 2010)	Minggu 44 (31 Okt – 6 Nov 2010)		
1	Perlis	6	0	192	186
2	Kedah	11	6	691 (3)	675
3	P. Pinang	43	31	1,522 (5)	2,188
4	Perak	36	39	2,065 (6)	2,611 (2)
5	Selangor	217 (1)	198	15,199 (42)	16,781 (44)
6	WPKL & Putrajaya	61	71	3,902 (6)	3,308 (8)
7	N. Sembilan	10	9	1,446 (7)	843 (6)
8	Melaka	39	42	1,306 (11)	740 (3)
9	Johor	86	77	3,989 (10)	2,219 (3)
10	Pahang	35	37 (1)	1,369 (4)	803 (2)
11	Terengganu	34	46	1,302 (2)	874
12	Kelantan	36	38	3,386 (11)	955 (1)
13	Sarawak	48	57	3,976 (13)	2,516 (3)
14	Sabah	22	29	1,962 (1)	972 (3)
15	WP Labuan	0	1	17	24
	MALAYSIA	684 (1)	681 (1)	42,324 (121)	35,695 (75)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 45/2010
(7 - 13 November 2010)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 45/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 45/2009
		Minggu 45 (7 - 13 November 2010)	Minggu 44 (30 Oktober – 6 November 2010)		
1	Perlis	0	0	0	35
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	5	340
4	Perak	0	0	3	402
5	Selangor	0	1	29	424
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	94
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	1	9	157
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	59
12	Kelantan	0	0	2	436
13	Sarawak	0	1	543	1,570
14	Sabah	2	1	189	64
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	2	4	793	4,467

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 45
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	19	70
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Rajah Rawang	16	53
3	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	26	46
4	SELANGOR	Hulu Langat	Hentian Kajang	15	42
5	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya Kepong	21	41
6	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	11	38
7	SELANGOR	MPK (KG)	Jln Pelangi Kondominium Menara Regency	20	36
8	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 2)	7	36
9	SELANGOR	MPAJ (HL)	Bandar Baru Ampang (Zon D)	4	36
10	SELANGOR	Gombak	IPD Gombak	8	34
11	SELANGOR	MPS (GB)	Batu 8 Gombak	13	34
12	SELANGOR	MPS (GB)	Rawang Perdana Fasa 4	17	31
13	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	11	31
14	SELANGOR	MPAJ (HL)	Pandan Perdana (Zon B)	4	31
15	JOHOR	MPK	Taman Kg. Majid	25	58
16	JOHOR	MPPG	Taman Cahaya Masai, Jln Intan	10	41
17	JOHOR	MBJB	Taman Daya Jln Sagu	15	40
18	JOHOR	MPK	Taman Korakyat	12	33
19	MELAKA	Melaka Tengah	Jln. Taming Sari	24	54
20	MELAKA	Melaka Tengah	Kg Pengkalan Rama Pantai	17	44
21	WPKL	Setapak	Setapak Jaya (Asrama Sizwazah UTM, Jln Rejang 1-14)	12	37
22	WPKL	Kepong	Taman Bkt Maluri (Jln Brg Balam, Merbuk, Terkukur & Jln 5/37A)	11	36

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 45
BAGI TAHUN 2010
(7 hingga 13 November 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WP KL	Kepong	Taman Bukit Maluri (Jln Brg Balam, Merbuk, Terkukur & Jln 5/37A)	40.0	40
2	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	33.3	33
3	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 2)	10.0	10
4	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	2.2	2
5	SELANGOR	Hulu Langat	Hentian Kajang	2.0	3